

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI  
SABASUN HYPERRUNGIT SDN. BHD.  
KUALA TERENGGANU

BY

NURFAIHAH MOHD SALLEH  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

PerDustakaan

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039379

LI 67 FPE 4 2005



1100039379

Laporan akhir latihan industri di Sabasun Hyperuncit Sdn Bhd, Kuala Terengganu / Nurfatihah Mohd Salleh.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100039379

Lihat sebelah

LTP  
67  
PRG  
4  
2005

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI  
SABASUN HYPERRUNCIT SDN. BHD.  
KUALA TERENGGANU**

**BY**

**NURFATIHAH MOHD SALLEH  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039379**

## **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya Nurfatihah Mohd Salleh

Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tiak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Nurfatihah Mohd Salleh

Tarikh: 1 November 2005

Disahkan Oleh



**PROF. MADYA DR. MAHADZIRAH MOHAMAD**  
Ketua Jabatan  
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

Prof. Madya Dr. Mahadzirah Mohamad  
b/p Pengerusi Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Ekonomi  
KUSTEM

## ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
<b>BAB 1</b>	
<b>1.1 PENGENALAN</b>	
1.1.1 Pendahuluan	1
1.1.2 Latar Belakang Latihan Industri	2
1.1.3 Objektif Latihan Industri	2
1.1.4 Kepentingan Latihan Industri Kepada Pelajar	3
<b>1.2 LATAR BELAKANG SYARIKAT</b>	
1.2.1 Pengenalan firma	5
1.2.2 Sejarah Penubuhan Sabasun Hyperruncit	5
1.2.3 Carta Organisasi	8
1.2.4 Aktiviti Jabatan-Jabatan Utama	15
1.2.5 Aktiviti Organisasi	18
<b>BAB 2</b>	
<b>2.1 Pendahuluan</b>	20
<b>2.2 SISTEM PEMBELIAN</b>	
2.2.1 Fungsi Sistem Pembelian	20
2.2.2 Proses Sistem Pembelian	21
2.2.3 Penerangan Setiap Proses Sistem	22
2.2.4 Masalah Utama Di dalam Sistem	23

2.2.5 Cadangan Penyelesaian	25
2.2.6 Implikasi	26
2.2.7 Penyelesaian Terbaik	27
<b>2.3 SISTEM PEROLEHAN</b>	
2.3.1 Fungsi Sistem Perolehan	28
2.3.2 Proses Sistem Perolehan	39
2.3.3 Penerangan Setiap Proses Sistem	30
2.3.4 Masalah Utama Di dalam Sistem	32
2.3.5 Cadangan Penyelesaian	34
2.3.6 Implikasi	35
2.3.7 Penyelesaian Terbaik	37
<b>2.4 SISTEM PERLETAKAN HARGA</b>	
2.4.1 Fungsi Sistem Perletakan Harga	38
2.4.2 Proses Sistem Perletakan Harga	39
2.4.3 Penerangan Setiap Proses Sistem	41
2.4.4 Masalah Utama Di dalam Sistem	43
2.4.5 Cadangan Penyelesaian	45
2.4.6 Implikasi	47
2.4.7 Penyelesaian Terbaik	49
<b>3.1 PENUTUP</b>	50

1

Rujukan

55

2

Lampiran

56



## PRAKATA

Syukur ke hadrat illahi kerana dapat menyiapkan tugas yang diberikan dalam masa yang telah ditetapkan. Saya ingin berterima kasih kepada penyelia industri iaitu Puan Rohani Md Zain kerana banyak membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menjalani latihan industri ini. Terima kasih juga kepada semua pekerja-pekerja yang banyak memberi bantuan kepada saya bagaimana untuk menyiapkan kerja-kerja yang diberi. Tanpa mereka mungkin saya tidak dapat menjalankan kerja yang diberikan dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Mahadzirah Mohamad kerana banyak membantu dalam menyiapkan laporan ini. Tanpa beliau, mungkin laporan ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama menjalani latihan industri ini kerana banyak membantu dan memberi sedikit nasihat untuk saya menyempurnakan laporan ini.

Akhir kata, pengalaman yang dapat saya perolehi dari latihan industri ini amat berharga dan tidak mungkin saya perolehi melalui pembelajaran di kuliah. Teori dan praktikal adalah sesuatu yang berbeza namun kita perlu mencantumkan teori dan praktikal itu untuk sebagai bekalan untuk menempuh alam pekerjaan dengan jayanya.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sepanjang menjalani latihan Industri di Sabasun Hyperruncit ini, 3 sistem utama telah dikenalpasti. Sistem tersebut adalah sistem pembelian, sistem perolehan dan sistem peletakan harga. Setiap sistem mempunyai peranan dan kepentingan masing-masing. Bagi sistem pembelian, fungsi sistem ini adalah untuk memastikan agar proses pembelian berjalan dengan lancar dan membolehkan aktiviti jual-beli antara syarikat dan pembekal tidak mengalami sebarang masalah. Manakala sistem perolehan diwujudkan untuk memastikan barang yang dibawa oleh pembekal sampai dalam keadaan selamat dan mencukupi. Selain itu sistem ini akan memastikan setiap maklumat tentang barang yang diperolehi tidak terlepas dan akan disimpan dengan rapi untuk panduan pada masa yang diperlukan. Untuk mendapat harga yang terbaik untuk sesuatu barang, sistem perletakan harga diwujudkan.

Selepas memahami sistem pembelian, satu masalah telah dikenalpasti iaitu mengisi borang pesanan tempahan melalui tangan dan sesetengahnya membuatkan seseorang tidak memahami apa yang ditulis. 3 cadangan telah diutarakan iaitu, mengisi borang dengan menggunakan komputer, mengambil pekerja khas atau melatih pekerja sedia ada untuk menulis dengan lebih baik. Setiap satu cadangan ini mempunyai implikasi yang berlainan.

Bagi sistem perolehan maslah yang telah dikenalpasti ialah cara penyusunan barang yang tidak teratur di stor. 3 cadangan yang diutarakan ialah memperbesarkan ruang stor. Mewujudkan bilik-bilik khas untuk setiap unit atau menyediakan pekerja khas di stor untuk menjaga barang untuk unit-unit tertentu.

Bagi sistem perletakan harga, 2 masalah utama telah dikenal pasti iaitu tersalah mengambil barang arahan yang tidak jelas. Bagi masalah yang pertama, cadangan penyelesaian ialah melekatkan stiker pada kotak barang baru atau memastikan pengurus kategori ada sama semasa barang tiba di stor untuk membuat pemeriksaan. Bagi masalah yang kedua, cadangan yang dapat menyelesaikan masalah ini ialah dengan mewujudkan diskau yang sama untuk semua pembekal atau mewujudkan sistem perisian yang boleh terus mengira kos sesuatu barang.

Selepas menjalani latihan industri dan mengenali sistem-sistem yang ada di dalam syarikat, ini dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.